

PM: Tanah pertanian kecil APR 1938 perlu disatukan

KUALA LUMPUR, Rabu —
Penyatuan tanah pertanian kecil
yang diuruskan oleh koperasi
atau satu badan yang lebih tera-
tur perlu dilaksanakan, kata Da-
tuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata
langkah itu perlu supaya taraf
pendapatan petani di negara bo-
leh dipertingkatkan.

Bantuan subsidi sahaja tidak
dapat membantu meningkatkan
taraf hidup petani jika masalah
asas mereka seperti cara pengu-
rusan ladang yang tidak ekono-
mik tidak diselesaikan.

"Bukan niat kerajaan hendak
merampas tanah mana-mana
pihak tetapi jika kita tidak
mengubah cara lama, petani
akan terus miskin," kata Perda-
na Menteri di majlis perasmian
Pameran Jagung di Muzium
Negara di sini hari ini.

Petani negara ini perlu
mengusahakan tanaman mere-
ka dengan cara yang berlainan
kerana amalan mereka selama
ini gagal memberikan pendapa-
tan yang memuaskan, tegas be-
liau.

Beliau berkata setakat ini
hanya getah, kelapa sawit dan
koko yang mampu menjadi
sumber pendapatan yang me-
muaskan tetapi tidak tanaman
makanan lain.

Menurut beliau kos pengelu-
ran tanaman makanan yang
diulang tanam, seperti beras, di
negara ini lebih tinggi daripada
kos pengeluaran di negara jiran.

Ini kerana tanah milik petani
negara ini terlalu kecil untuk di-
laksanakan perusahaan perta-
nian secara besar-besaran, ka-
tanya.

Bagaimanapun, beliau berka-
ta jika ia disatukan menjadi pe-
rusahaan yang besar, usaha
yang dijalankan akan menjadi
leboh ekonomik dan teratur.

Datuk Seri Dr Mahathir me-
negaskan bantuan subsidi yang
diberikan oleh kerajaan tidak
dapat menghapus kemiskinan
tetapi hanya akan diselesaikan
dengan perubahan cara bertani.